



PELAN STRATEGIK

Pejabat Daerah dan Tanah Larut, Matang
& Selama (PDT LMS)

2012-2017

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
Kandungan	
Kata Pengantar Ketua Pengarah MAMPU	3
Kata Alu-aluan Pegawai Daerah Larut, Matang & Selama	5
Bab I - PENDAHULUAN	
Ringkasan Eksekutif	6
Pengenalan dan Latar Belakang Agensi	7
Carta Organisasi	8
Fungsi dan Peranan Agensi	9
Punca Kuasa	13
Stakeholders dan Pelanggan	15
Bab II - ANALISA PERSEKITARAN	
Isu-isu/ Cabaran-cabaran kritikal	16
Bab III - HALA TUJU STRATEGIK	
Visi dan Misi	17
Moto	17
Nilai Bersama	18
Objektif Strategik	19
Pelan Tindakan	20
Elemen Penentu Kejayaan	27
Mekanisme Pelaksanaan	29
<i>The Way Forward</i>	30
Bab IV - PENUTUP	31

KATA PENGANTAR KETUA PENGARAH MAMPU



PELAN STRATEGIK PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH NEGERI PERAK

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Kegemilangan.
Salam 1Malaysia; Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

Cabaran globalisasi dan revolusi digital telah menyaksikan perubahan besar dalam lanskap sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan dalam misi memenuhi ekspektasi rakyat dan stakeholder yang semakin meningkat. Menyedari hakikat ini, Kerajaan telah memperkenalkan Program Transformasi Kerajaan sebagai respons strategik kepada cabaran tersebut. Era transformasi yang mendasari dekad ini menuntut kepada model pengurusan yang lebih bitara dan dinamik dalam usaha melonjakkan lagi kewibawaan sektor awam agar lebih berdaya saing.

Dalam konteks ini, pengurusan strategik adalah begitu kritikal sebagai wahana pengurusan yang menentukan hala tuju strategik organisasi serta *blueprint* yang menjadi pemangkin kepada penghasilan pelan pengurusan yang lain seperti Pelan Strategik ICT, Pelan Strategik Sumber Manusia, Pelan Pengurusan Risiko dan Pelan Kesyinambungan Perkhidmatan.

Dalam merealisasikan agenda transformasi negara, peranan pentadbiran Kerajaan Negeri sebagai entiti yang mempunyai sentuhan langsung dengan rakyat adalah begitu kritikal kerana prestasi Kerajaan Negeri yang cemerlang akan melambangkan pencapaian Negara yang gemilang. Justeru, MAMPU melalui khidmat runding dan kepakaran yang dimiliki telah memperkenalkan konsep Program Transformasi Negeri-Negeri Secara Menyeluruh atau *State Wide Approach Transformation* (SWAT) sebagai wadah perkongsian pintar yang akan memastikan keberkesanan penyampaian perkhidmatan Kerajaan di peringkat Negeri.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), dan Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) seluruh negeri Perak yang telah memberi komitmen yang tinggi untuk menjayakan penghasilan Dokumen Pelan Strategik masing-masing. Lebih membanggakan, kejayaan membangunkan Pelan Strategik SUK Perak serta 15 PBT dan 10 PDT seluruh negeri Perak di bawah Program SWAT ini berjaya dicapai dalam tempoh yang begitu singkat.

Dalam mendakap hasrat pengurusan berstrategik ini, saya suka untuk mengingatkan bahawa Pelan Strategik yang telah disempurnakan ini mestilah dihayati dan dilaksanakan dengan iltizam yang bersungguh-sungguh oleh semua peringkat warga organisasi. Pemantauan terhadap pelaksanaan pelan tindakan ini mestilah dibuat dengan rapi dan berjadual. Langkah ini amat penting bagi mendokong dan merealisasikan gagasan Merakyatkan Perkhidmatan Awam yang diperkenalkan oleh YBhg. Ketua Setiausaha Negara. Falsafah Merakyatkan Perkhidmatan Awam berpegang kepada prinsip penyampaian yang bertemakan keterbukaan, integrity, responsive dan meletakkan kepentingan rakyat sebagai keutamaan paling tinggi.

Akhir kata, saya mewakili Pasukan Perunding Pengurusan Strategik MAMPU mengucapkan terima kasih kepada semua Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Pihak Berkuasa Tempatan serta Pejabat Daerah dan Tanah yang terlibat di atas kerjasama yang baik sepanjang pembikinan dokumen ini. Semoga hasrat dan wawasan kita untuk memastikan kejayaan agenda merakyatkan Perkhidmatan Awam sebagaimana yang digagaskan oleh kepimpinan tertinggi Perkhidmatan Awam akan tercapai menerusi pelaksanaan Pelan Strategik ini.

Sekian, terima kasih.

BERSAMA MELAKSANA TRANSFORMASI

DATO' MOHAMAD ZABIDI ZAINAL

Ketua Pengarah

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri

Oktober 2012

KATA-KATA ALUAN PEGAWAI DAERAH LARUT, MATANG DAN SELAMA



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia, Salam Perak Aman Jaya

Alhamdulillah, dengan izin dan limpah kurnianya, Pelan Strategik Pejabat Daerah dan Tanah Larut, Matang dan Selama tahun 2012-2017 berjaya dihasilkan.

Selaras dengan pelancaran *State Wide Approach Transformation Programme* oleh Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, penghasilan Pelan strategik ini merupakan langkah pertama ke arah memacu transformasi di PDT LMS.

Penggubalan Pelan Strategik PDT LMS ini merupakan satu perancangan terperinci dan holistik yang mana objektif utamanya adalah berpaksikan perkhidmatan teras di pejabat daerah iaitu pengurusan dan pentadbiran tanah serta pembangunan infrastruktur dan masyarakat. Berdasarkan dasar serta polisi semasa kerajaan, tanpa meminggirkan kehendak stakeholders dan pelanggan, strategi berkaitan telah dirangka bagi memenuhi keperluan semua.

Dengan adanya Pelan Strategik ini, adalah diharapkan ianya dapat dijadikan sebagai satu panduan kepada semua warga pentadbiran ini dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Semoga setiap strategi yang telah digariskan dapat dilaksanakan bagi merealisasikan visi dan misi yang ditetapkan.

Akhir kata, sekalung penghargaan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan penyediaan Pelan Strategik PDT LMS Tahun 2012-2017. Semoga kejayaan akan menjadi milik kita bersama. Terima kasih.

Dato' Harun bin Rawi
Pegawai Daerah Larut, Matang dan Selama
Oktober 2012

BAB I: PENDAHULUAN

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik Pejabat Daerah dan Tanah Larut Matang dan Selama 2012-2017 ini menggariskan rangka kerja dan strategi yang perlu dilaksanakan oleh pihak pengurusan dan akan digunakan sebagai garis panduan kepada semua jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan di Daerah Larut Matang dan Selama ini bagi mencapai matlamat visi dan misi yang telah ditetapkan.

Terdapat 12 nilai-nilai bersama yang telah dikenalpasti untuk dijadikan panduan di dalam pelaksanaan pelan strategik ini berdasarkan fungsi dan peranan setiap bahagian, kehendak dan keperluan stakeholder & pelanggan serta analisa persekitaran. Di dalam Pelan Strategik ini terdapat 4 Objektif Strategik yang melibatkan strategi, pelan tindakan, indikator dan sasaran yang hendak dicapai. Ini bertujuan untuk memastikan semua warga pentadbiran daerah dapat memahami matlamat pelan dan memenuhi objektif yang telah disasarkan.

Peta Strategi telah digunakan untuk memberi gambaran terhadap strategi-strategi yang akan dilaksanakan bagi mencapai matlamat sebagaimana yang ditetapkan. Peta strategik ini meliputi empat aspek iaitu pelanggan, kewangan, proses dalaman, dan akhir sekali pembelajaran & pertumbuhan yang dirangka bagi mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

Oleh itu, Pelan Strategik Pejabat Daerah dan Tanah Larut Matang dan Selama 2012-2017 ini diyakini dapat memacu pembangunan modal insan bagi warga pentadbiran di Daerah Larut Matang dan Selama, sekaligus dapat mempertingkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan awam seterusnya menjadi teras kepada pembangunan sosial-ekonomi di daerah ini untuk menjamin kesejahteraan rakyat di Daerah Larut Matang dan Selama ini selaras dengan konsep 1Malaysia iaitu 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'.

PENGENALAN DAN LATAR BELAKANG


Bandar Taiping merupakan ibu kota bagi Daerah Larut, Matang & Selama. Sebelum 1937, Taiping merupakan ibu negeri Perak. Nama lama Taiping ialah **Klian Pauh**. Klian bermaksud lombong. Pauh pula ialah sejenis buah mangga bersaiz kecil.

Perkataan Taiping pula membawa maksud "AMAN" atau "DAMAI" dalam bahasa Mandarin. Ianya tercetus dari pertelingkahan puak pendatang Negara China yang melakukan aktiviti perlombongan bijih timah di daerah Larut iaitu Ghee Hin dan Hai San, yang begitu ramai di Klian Pauh ketika itu. Persatuan kongsi gelap dari dua puak ini telah bertelingkah kerana lombong bijih timah dan jalan air. Setelah mendapat kata sepakat untuk berdamai, Taiping telah dipilih sebagai nama baru bagi bandar di Daerah Larut, Matang & Selama.

Daerah Larut Matang & Selama meliputi kawasan seluas 2095 km² (209 500 hektar) iaitu 10% daripada keluasan negeri Perak dan merupakan daerah ke 4 terbesar. Daerah ini bersempadan di utara dengan Daerah Kerian, di selatan Daerah Manjung, di timur Daerah Kuala Kangsar dan Daerah Hilir Perak dan di bahagian barat Selat Melaka. Ia juga merupakan kawasan pelancongan yang kaya dengan bangunan dan tempat bersejarah yang mana terdapat 33 perkara pertama di Taiping.

Pejabat Daerah dan Tanah Larut Matang dan Selama terletak di Bangunan Residen British, Jalan Taming Sari, Taiping. Pejabat ini diketuai oleh Pegawai Daerah yang juga merupakan Pentadbir Tanah Daerah. Pentadbiran ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Bahagian Khidmat Pengurusan, Bahagian Pembangunan Luar Bandar dan Bahagian Pentadbiran Tanah.

CARTA ORGANISASI



FUNGSI DAN PERANAN AGENSI

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

PENTADBIRAN	<ul style="list-style-type: none">• Pengurusan Sumber Manusia :<ul style="list-style-type: none">- Perkhidmatan- Tatatertib- Pelaksanaan Pekeliling 7 Arah- Kursus Induksi- Pengurusan Prestasi• Kutipan Hasil Am• Proses Permohonan Lesen Hiburan Dan Lesen Minuman Memabukkan.• Urusan Duti Setem• Perakuan dan Rekod Hasil Rancangan Perumahan Awam
KEWANGAN	<ul style="list-style-type: none">• Menyelenggara dan mengemaskini semua rekod perakaunan• Mengurus pembayaran semua jenis bil dan tuntutan• Menyelenggara akaun Panjar Wang Runcit• Urusetia kepada Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun
MAJLIS & KERAJIAN	<ul style="list-style-type: none">• Urusetia kepada semua majlis / kerajaan rasmi jabatan
KESELAMATAN	<ul style="list-style-type: none">• Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Bencana Daerah (JPBBD)• Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Daerah (JKKD)
TEKNOLOGI MAKLUMAT	<ul style="list-style-type: none">• Menyelenggara sistem-sistem aplikasi jabatan• Mengendali dan menyelenggara infrastruktur dan perkhidmatan ICT

BAHAGIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

PEMBANGUNAN FIZIKAL	<ul style="list-style-type: none">• Mengurus dan menyelaras mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah dan menyelia serta memantau laporan prestasi pelaksanaan projek-projek pembangunan dengan agensi-agensi kerajaan• Merancang, menyelaras dan melaksanakan projek-projek kecil• Mengurus, menyedia dan memperakui spesifikasi kerja dan pelan-pelan kejuruteraan awam• Menguruskan segala tuntutan pembayaran projek-projek yang telah siap dilaksanakan dengan sempurna• Mengerakkan mekanisma penyertaan orang ramai, agensi kerajaan, sektor swasta dan badan bukan kerajaan serta memantau program / aktiviti berkaitan• Menyelaras dan memantau pelaksanaan bagi projek negeri dan persekutuan
PEMBANGUNAN MASYARAKAT	<ul style="list-style-type: none">• Menguruskan pelantikan pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan Ahli JKKK• Merancang, menyelaras, memantau dan melaksanakan program / projek pembasmian kemiskinan• Menyelaras maklumat dan data kemiskinan melalui Sistem e-Kasih

BAHAGIAN PENTADBIRAN TANAH

UNIT PENDAFTARAN	<ul style="list-style-type: none">• Menguruskan pendaftaran urusniaga, bukan urusniaga• Menguruskan pendaftaran hak milik baru, pengeluaran hak milik sambungan, hak milik gantian dan hak milik pendua• Mendapatkan kebenaran Y.A.B Menteri Besar untuk pindahmilik dan gandaian tanah• Memproses permohonan perintah jual• Menyelenggara dan mengemaskini rekod-rekod pendafrn hak milik
UNIT HASIL	<ul style="list-style-type: none">• Menguruskan kutipan :<ul style="list-style-type: none">- Cukai tanah semasa- Tunggakan cukai tanah- Bayaran premium tanah dan pelbagai hasil- Menyediakan penyata dan akaun kutipan- Penguatkuasa ke atas kegagalan membayar hasil• Menyelenggara dan mengemaskini rekod-rekod kutipan hasil
UNIT PELUPUSAN TANAH	<ul style="list-style-type: none">• Memproses permohonan-permohonan tanah kerajaan untuk dapatkan hakmilik• Memproses permohonan Lesen Pendudukan Sementara (LPS)• Memproses permohonan :<ul style="list-style-type: none">- Memperbaharui tempoh pajakan tanah- Perizaban tanah- Permit ruang udara• Permindahan bahan batuan melombong

UNIT PEMBANGUNAN TANAH

- Menguruskan kutipan cukai tanah semasa
 - Tukar syarat
 - Pecah bahagian
 - Pecah sempadan
 - Penyatuan tanah
 - Penyerahan balik tanah
- Pengambilan balik tanah
- Permohonan izin lalu untuk TNB
- Permohonan hak Lalulalang

UNIT TEKNIKAL DAN PENGUATKUASAAN

- Memproses permohonan-permohonan tanah kerajaan untuk daptkan hakmilik
- Menyediakan carta permohonan tanah
- Menyelia perkhidmatan penjualan pelan
- Menyelia rekod-rekod pemilikan dan fahrasat lot Pejabat Tanah
- Menyelenggara rekod-rekod dan data berkaitan setingga, langgar syarat tanah dan pencerobohan tanah kerajaan
- Menyediakan permohonan ukur dan surihan penempatan

PUNCA KUASA

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

- ✓ Akta Acara Kewangan 1957 (Akta 61)
- ✓ Perintah-Perintah Am/Arahan Perbendaharaan/Arahan Perkhidmatan
- ✓ Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Pindaan) 2003
- ✓ Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993
- ✓ Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 1997
- ✓ Akta Eksais 1976
- ✓ Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) No. 20 :Dasar dan Mekanisma Pengurusan dan Bantuan Bencana Negara
- ✓ Pekeliling Perkhidmatan / Surat Pekeliling Perkhidmatan / Surat Edaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
- ✓ Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam / Surat Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam / Pekeliling Am / Surat Pekeliling Am / Surat Arahan Ketua Setiausaha Negara / Garis Panduan / Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU
- ✓ Pekeliling Perbendaharaan / Surat Pekeliling Perbendaharaan / Pekeliling/Surat Pekeliling Kontrak Perbendaharaan

BAHAGIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

- ✓ Arahan No.1 Tahun 2004 : Majlis Tindakan Negara
- ✓ Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2007 : Garis Panduan Pelaksanaan Projek Penyelenggaraan Infrastruktur Awam
- ✓ Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2007 : Garis Panduan Pelaksanaan Projek Infrastruktur Asas
- ✓ Surat Kuasa / Waran Peruntukan Kerajaan Negeri
- ✓ Surat Kuasa / Waran Peruntukan Kerajaan Persekutuan

BAHAGIAN PENTADBIRAN TANAH

- ✓ Kanun Tanah Negara (Akta 56 Tahun 1965)
- ✓ Peraturan Tanah Perak 1966
- ✓ Akta Pengambilan Tanah 1960 (Akta 486)
- ✓ Enakmen Mineral Perak (Tambahan 2003)
- ✓ The Water Enactments FMS Cap. 146
- ✓ Electricity Act. 1949
- ✓ Forest Enactments Cap. 153
- ✓ Small Estate (Distribution) Ordinance 34 Of 1955
- ✓ The Land (Group Settlement Area) Act. 1960
- ✓ Malay Reservation Enactments Cap. 142
- ✓ Age of Majority Act. 1971
- ✓ Limitations Ordinance 1953
- ✓ Town Board Enactment Cop. 137
- ✓ Stamp Ordinance 1949
- ✓ Fragmentations of Estate Directions 1968
- ✓ Power of Attorney Ordinance, 1949
- ✓ Probate and Administration Act. 1959
- ✓ Town and Board Planning Act. 1976
- ✓ Trustees Ordinance 1949
- ✓ Delegation of Power Ordinance 1956
- ✓ Interpretation and General Clauses Ordinance No. 7
- ✓ Arbitration Ordinance 1950
- ✓ Pekeliling-Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
- ✓ Pekeliling-Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak

STAKEHOLDERS DAN PELANGGAN

STAKEHOLDERS

- Menteri Besar/Ketua Menteri
- EXCO
- SUK



**Pejabat Daerah Dan
Tanah Larut, Matang
Dan Selama**

PELANGGAN

- Penduduk
- Pelawat/Pelancong
- Agensi Kerajaan
- Swasta
- Pemilik Kediaman/Premis Perniagaan
- NGO
- Komuniti Perniagaan

BAB II : ANALISIS PERSEKITARAN

1) **Keperluan Untuk Memantapkan Kapasiti Organisasi dan Pengurusan Sumber Manusia yang Lebih Sistemik dan Teratur**

Pengurusan sumber manusia yang sistematik dan terancang merupakan elemen penting dalam usaha meningkatkan kecemerlangan organisasi. Tenaga kerja berkemahiran, mempunyai pengetahuan dan berkeupayaan untuk menggunakan pemikiran secara kreatif dan inovatif dapat memastikan hala tuju yang dihasratkan dapat dicapai.

2) **Keperluan Memperkasakan Pengurusan dan Pentadbiran Tanah PDT LMS untuk Kecemerlangan Organisasi Serta Keharmonian Masyarakat**

Tadbir urus yang mantap dalam pengurusan tanah merupakan asas kepada jentera pentadbiran bagi semua pejabat daerah dan tanah. Pengamalan sistem dan prosedur kerja yang cekap serta ketelusan dan pematuhan kepada peraturan dan undang-undang akan mengelakkan kesilapan yang akan memudaratkan masyarakat setempat. Penyampaian perkhidmatan pentadbiran tanah yang berkualiti adalah untuk memacu pertumbuhan serta memastikan kemakmuran hasil dari sumber tanah dapat dimaksimumkan dan dinikmati bersama.

3) **Keperluan Memperkasakan Pengurusan Program Pembangunan Masyarakat dan Infrastruktur Untuk Mempertingkatkan Kualiti Hidup**

Menepati kehendak slogan 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan, program pembangunan menitikberatkan kepada keseimbangan pembangunan, antara fizikal dan masyarakat, juga di antara luar bandar dan bandar. Pengurusan yang cekap dan efisien akan menjadi teras kepada peningkatan taraf hidup rakyat dengan keupayaan untuk meminimumkan dan akhirnya mensifarkan kemiskinan bagi mewujudkan kumpulan masyarakat yang berpendapatan sederhana dan tinggi.

4) **Keperluan Untuk Memantapkan Jalinan Kerjasama Strategik**

Penerangan : Jaringan kerjasama yang baik dengan agensi-agensi luar dari Pejabat Tanah dan Daerah serta penglibatan masyarakat juga merupakan suatu medium yang baik untuk memberi perkhidmatan yang menyeluruh dan berkesan kepada masyarakat. Perbincangan dan perancangan yang dilakukan bersama-sama membolehkan perkhidmatan menjadi lebih cekap, berkesan, menyeluruh dan sistematik.

BAB III: HALA TUJU STRATEGIK

VISI

Peneraju Pengurusan Organisasi dan Pentadbiran Tanah yang Responsif Serta Efisien di Negeri Perak Menjelang Tahun 2017

Pejabat Daerah dan Tanah Larut, Matang dan Selama berhasrat untuk menjadi peneraju kepada pengurusan organisasi dan tanah yang efisien. Pentadbiran ini akan meningkatkan keupayaan pengurusan melalui pengamalan tadbir urus yang baik dengan memastikan segala urusan dan transaksi yang dibuat mematuhi arahan dan prosedur semasa. Di samping itu, kehendak stakeholders serta perspektif dan pandangan umum juga tidak akan dipinggirkan bagi membolehkan pentadbiran ini sentiasa relevan dan bertindak selari dengan peredaran masa.

MISI

Mentadbir Daerah Bagi Mencapai Pembangunan yang Seimbang Dari Aspek Fizikal, Ekonomi Dan Modal Insan Melalui Pengurusan Organisasi dan Pentadbiran Tanah Secara Sistemik dan Profesional

Pentadbiran ini akan memastikan pembangunan yang dirancang adalah seimbang dan memenuhi kehendak dan keperluan semua pihak. Pentadbiran ini juga akan berusaha untuk meningkatkan tahap keberkesanan pengurusan dan pentadbiran tanah supaya kemakmuran hasil dari sumber ini dapat digandakan untuk manfaat bersama.

MOTO

Komited dan Responsif

Komited dan responsive dalam melaksanakan setiap tugas dan aktiviti untuk menghasilkan *outcome* yang paling tinggi, optimum dan berpanjangan kepada *stakeholders*, pelanggan dan juga seluruh warga jabatan.

NILAI BERSAMA



Berkualiti

Memastikan perkhidmatan yang memenuhi kehendak pelanggan dan mencapai standard yang ditetapkan oleh organisasi

Akauntabiliti dan Integriti

Mempunyai rasa tanggungjawab dan *akauntabiliti* di dalam segala tindakan dan kelakuan. Berkhidmat dengan penuh komitmen dan rasa tanggungjawab terhadap kualiti output yang dihasilkan berasaskan etika kerja cemerlang dan tingkah laku beramanah serta konsep '*first in first out*'

Kerja Berpasukan

Menggembeng tenaga, pengetahuan dan pengalaman melalui semangat kerja berpasukan yang tinggi untuk mencapai visi dan mision organisasi

Profesional

Sentiasa berusaha meningkatkan pengetahuan dan kefahaman dalam menjalankan tugas dan bertindak penuh dengan penuh komitmen dengan memanfaatkan kompetensi dan kepakaran tertentu apabila mencadangkan penyelesaian dan penambahbaikan masalah.

Responsif

Peka dan prihatin kepada kehendak *stakeholders* dan keperluan pelanggan di samping memahami isu-isu senario semasa dan cepat dalam mencari penyelesaian terbaik.

OBJEKTIF STRATEGIK

Bagi merealisasikan visi dan misi PDT LMS, empat (4) objektif strategik telah digariskan iaitu:

- Memantapkan keupayaan dan kapasiti organisasi bagi meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan;
- Memperkasakan pengurusan dan pentadbiran tanah Pejabat Daerah untuk kecemerlangan organisasi serta keharmonian masyarakat;
- Memperkasakan pengurusan program pembangunan masyarakat dan infrastruktur untuk mempertingkatkan kualiti hidup ; dan
- Memperkukuh dan mengeratkan kolaborasi antara PDT LMS dan rakan strategik bagi meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan

PELAN TINDAKAN

OBJEKTIF STRATEGIK 1:

Memantapkan Keupayaan dan Kapasiti Organisasi Bagi Meningkatkan Kecekapan Sistem Penyampaian Perkhidmatan

Sistem organisasi yang teratur dan menyeluruh menjadi pemangkin kepada kejayaan jabatan. Hal ini akan memacu kearah sistem perkhidmatan yang cekap dan profesional.

Objektif strategik ini mengandungi tiga (3) strategi iaitu:

- memantapkan pembangunan organisasi
- mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif
- memperkasakan imej organisasi

STRATEGI	TINDAKAN/PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN/TAHUN SASARAN
Mengukuhkan Pembangunan Organisasi	Memperkuhkan struktur organisasi Memantapkan fungsi dan deskripsi tugas Meningkatkan tahap kompetensi pegawai	Tahap kepuasan pekerja Peratus pegawai yang mengikuti latihan	Tahap kepuasan melebihi 85% setiap tahun bermula 2013 100 % pegawai mengikuti kursus 7 hari setahun bermula 2013
Menyediakan persekitaran kerja yang kondusif	Memanfaatkan dan mengoptimumkan penggunaan teknologi dalam penyampaian. Mengeratkan hubungan antara pihak pengurusan dan pekerja. Menambahbaik prasarana dan kemudahan pejabat.	Tahap kepuasan pekerja	Tahap kepuasan melebihi 85% setiap tahun bermula 2013

STRATEGI	TINDAKAN/PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN/ TAHUN SASARAN
Mempertingkatkan dan memperkasa imej organisasi	<p>Membangunkan Pelan Transformasi PDT</p> <p>Mempertingkatkan dan memudahkan capaian pelanggan kepada PDT.</p>	Tahap kepuasan pelanggan	Tahap kepuasan melebihi 85% setiap tahun mulai tahun 2013.
Meningkatkan kecekapan tadbir urus kewangan	<p>Mengoptimumkan kos operasi PDT</p> <p>Mengamalkan perbelanjaan berhemah</p>	<p>Prestasi perbelanjaan</p> <p>Laporan audit</p>	<p>Mencapai sekurang-kurangnya 95% perbelanjaan berbanding peruntukan</p> <p>Pengurangan jumlah teguran sebanyak 20% setahun bermula 2013 sehingga mencapai teguran sifar pada 2017</p>

OBJEKTIF STRATEGIK 2:

Memperkasakan Pengurusan dan Pentadbiran Tanah Pejabat Daerah untuk Kecemerlangan Organisasi Serta Keharmonian Masyarakat.

Pengurusan tanah yang berkesan akan memacu kepada perkhidmatan yang cemerlang dan memuaskan kehendak pelanggan di mana sistem pengurusan di pentadbiran tanah hendaklah lebih sistematik dan telus dalam melaksanakan sesuatu tugasan. Bagi mencapai objektif ini, empat (4) strategi telah ditetapkan iaitu:

- Memantapkan kecekapan pelaksanaan dasar-dasar/arahan pentadbiran tanah
- Memantapkan keupayaan kutipan hasil
- Memperkasakan urusan pembangunan tanah
- Meningkatkan tahap profesionalisma anggota-anggota penguatkuasa pentadbiran tanah Pejabat Daerah Larut Matang dan Selama

STRATEGI	TINDAKAN/PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN/ TAHUN SASARAN
Memantapkan kecekapan pelaksanaan dasar-dasar/arahan pentadbiran tanah	Memperkemaskan pengurusan pendaftaran dan rekod tanah	Tahap kepuasan pelanggan Bilangan kesilapan proses	Tahap kepuasan pelanggan melebihi 80% menjelang 2017. Kesilapan proses tidak melebihi 10% setiap tahun sehingga mencapai 1% kesalahan menjelang 2017
Memantapkan keupayaan kutipan hasil	Mempelbagaikan kaedah kutipan hasil dan saluran pembayaran hasil Meningkatkan keberkesanan kutipan hasil tertunggak	Peratus penggunaan kaedah bayaran Jumlah kutipan hasil tertunggak	Peningkatan sekurang-kurangnya 50% penggunaannya menjelang 2017 Jumlah kutipan melebihi 70% daripada jumlah keseluruhan hasil tertunggak menjelang tahun 2017.

STRATEGI	TINDAKAN/PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN/TAHUN SASARAN
	Meningkatkan kecekapan sistem pemantauan kutipan hasil	Jumlah kutipan hasil	Jumlah kutipan hasil melebihi 90% daripada anggaran menjelang tahun 2017.
	Mempercepatkan proses pembangunan tanah	Tempoh proses	Tempoh proses dikurangkan 50% dari tempoh semasa menjelang 2017
Memperkasakan urusan pembangunan tanah	Mengoptimumkan pembangunan guna tanah berdasarkan zon kawasan	Guna tanah	Peningkatan 80% guna tanah mengikut zon menjelang 2017
	Memantau proses permohonan penggunaan tanah	Bilangan permohonan selesai	Kadar permohonan selesai meningkat 10% setiap tahun dan mencapai sasaran 90%
Meningkatkan tahap profesionalisma anggota-anggota penguatkuasa pentadbiran tanah Pejabat Daerah Larut Matang dan Selama	Melibatkan penglibatan kakitangan yang berkenaan ke latihan dan kursus berkaitan peraturan tatatertib, pamantapan integriti, motivasi dan peraturan-peraturan Kanun Tanah Negara, Akta Mineral, Akta Hakmilik Strata dan lain-lain.	Bilangan anggota yang menghadiri latihan	100 peratus anggota menjalani latihan menjelang 2017
	Melaksanakan tindakan penguatkuasaan secara bersepadu	Bilangan kes pelanggaran undang-undang	Peningkatan 5% penyelesaian kes setiap tahun sehingga mencapai 70% kes selesai menjelang 2017.
	Meningkatkan kemahiran dan keupayaan anggota penguatkuasa	Jumlah kes yang disabitkan	Jumlah kes yang disabitkan melebihi 80% menjelang 2017

OBJEKTIF STRATEGIK 3:

Memperkasakan Pengurusan Program Pembangunan Infrastruktur dan Masyarakat Untuk Mempertingkatkan Kualiti Hidup

Pengurusan pembangunan yang berkesan dan terancang mampu melonjakkan kualiti hidup masyarakat kepada satu tahap yang lebih tinggi. Senario semasa yang mana menekankan kepada kebajikan masyarakat memerlukan pihak pentadbiran daerah memberikan tumpuan kepada pembangunan seimbang antara fizikal dan juga masyarakat bagi mewujudkan masyarakat yang harmoni.

PDT LMS telah menetapkan beberapa strategi berikut:

- Mempertingkatkan kecekapan pengurusan projek fizikal
- Menjadi pusat rujukan bagi projek pembangunan fizikal daerah
- Program pembasmian kemiskinan

STRATEGI	TINDAKAN/PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN/ TAHUN SASARAN
Mempertingkatkan kecekapan pengurusan projek fizikal	Program penerangan dan taklimat kepada kontraktor berhubung keperluan projek	Jumlah projek disiapkan tepat pada masanya	Mengurangkan jumlah pemberian tempoh (<i>extension of time</i>) EOT sebanyak 50% bermula 2013
	Jadual penggiliran kontraktor	Pembahagian projek seimbang	
	Pemantauan dan penguatkuasaan peraturan sedia ada		
	Penyediaan garis panduan mengenai prosedur pengurusan aduan	Pengurangan jumlah aduan	1 garis panduan disediakan pada 2013
Menjadi pusat rujukan bagi projek pembangunan fizikal daerah	Menyelaras maklumat projek fizikal di Daerah LMS	Jumlah projek bertindih	Peratus pengurangan projek bertindih

STRATEGI	TINDAKAN/PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN/ TAHUN SASARAN
	Penyediaan pengkalan data projek daerah LMS Kajian semula prosedur permohonan projek	Jumlah projek bertindih	Peratus pengurangan projek bertindih
Program pembasmian kemiskinan	Menyediakan profail lengkap pemohon bagi program bantuan Mewujudkan kerjasama strategik dengan IPT untuk melaksanakan kajian Menyediakan Pelan Pembangunan Kampung	Bilangan penduduk miskin	Pengurangan jumlah penduduk miskin sebanyak 30% setiap tahun bermula 2013 1 Kajian dihasilkan

OBJEKTIF STRATEGIK 4:

Memperkukuh Dan Mengeratkan Kolaborasi Antara PDT Larut, Matang & Selama Dan Rakan Strategik Bagi Meningkatkan Kualiti Sistem Penyampaian Perkhidmatan

Kerajaan, swasta dan NGO terlibat secara bersepadu dan intensif dalam perancangan dan pelaksanaan program pembangunan sosio-ekonomi wilayah dan komuniti.

STRATEGI	TINDAKAN/PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN/TAHUN SASARAN
Memperkukuhkan jalinan antara agensi kerajaan, NGO's serta pihak swasta	Mesyuarat penyelarasan aktiviti rasmi kerajaan.	Bilangan jabatan yang terlibat	Penglibatan lebih daripada 80% jabatan-jabatan setempat menjelang 2017
	Menjalankan operasi bersepadu bersama-sama dengan agensi lain yang terlibat.	Bilangan penyelesaian kes yang melibatkan pelbagai agensi	Penyelesaian kes meningkat sebanyak 20% setiap tahun sehingga mencapai 80% pada 2017.
	Mewujudkan mekanisme penyelarasan pelaksanaan dengan agensi Kerajaan, NGO's serta pihak swasta	Tahap Kepuasan Pelanggan	Tahap kepuasan melebihi 80% menjelang 2017
	Mempertingkatkan perkongsian sumber, tanggungjawab dan kepakaran dengan PDT yang bersempadan	Bilangan kerjasama strategik	Peningkatan 80% bilangan kerjasama strategik pada 2017
	Mempertingkatkan medium perbincangan berkaitan isu pembangunan tanah dan setempat serta pembangunan masyarakat dengan jabatan berkepentingan.	Bilangan penyelesaian kes	Mencapai 80% penyelesaian kes dalam tempoh yang ditetapkan menjelang 2017.

STRATEGI	TINDAKAN/PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN/ TAHUN SASARAN
Memperkukuhkan jalinan dan penyertaan komuniti dalam aktiviti dan program PDT	<p>Mempertingkatkan penglibatan komuniti dalam perancangan dan pelaksanaan program Pej.Daerah & Tanah (PDT)</p> <p>Memperbanyakkan Pusat Info di setiap mukim dan Maklum Balas Komuniti</p> <p>Memperbanyakkan program-program kemasyarakatan seperti sambutan hari kebangsaan dan hari perayaan</p>	<p>Penyertaan komuniti</p> <p>Jumlah pusat info dan komuniti</p> <p>Jumlah program yang dilaksanakan</p>	<p>Peratusan penglibatan komuniti dalam aktiviti/program meningkat 10% setiap tahun sehingga mencapai 80% penglibatan pada 2017.</p> <p>80% mukim mempunyai pusat info sendiri menjelang 2017</p> <p>5 program setiap tahun secara bersepadu</p>
Memperkemaskan hubungan strategik dengan pihak media elektronik dan cetak.	<p>Melibatkan media dalam majlis rasmi kerajaan dan aktiviti yang perlu.</p> <p>Melibatkan media dalam urusan promosi hal lelongan untuk menarik pembida secara menyeluruh dan tersebar luas.</p>	<p>Jumlah penglibatan media.</p> <p>Jumlah pembida</p>	<p>Penglibatan media lebih 50% daripada senarai kerajaan yang dijalankan menjelang 2017</p> <p>Jumlah pembida meningkat 50% dari jumlah semasa menjelang 2017.</p>

ELEMEN PENENTU KEJAYAAN

Dalam menentukan kejayaan dan kesempurnaan pelan strategik ini, beberapa kriteria telah dikenalpasti. Kriteria-kriteria tersebut adalah seperti berikut:

PENGURUSAN ILMU (*KNOWLEDGE MANAGEMENT*)

Ilmu, pengalaman dan amalan terbaik berkaitan pemodenan pentadbiran serta sistem penyampaian perkhidmatan akan dikongsi dan ditambah nilai melalui penggunaan sistem Pengurusan Ilmu atau *Knowledge Management (KM)* PDT LMS. Penggunaan optimum *KM* akan memastikan penggunaan sumber ilmu secara berkesan dalam mencapai objektif strategik Pejabat Daerah dan Tanah Larut Matang dan Selama.

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Tumpuan akan diberikan kepada peningkatan ilmu dan kepakaran modal insan melalui program pembangunan kompetensi yang sesuai dalam bidang-bidang kritikal dan strategik. Pendekatan *mentor-mentee*, *coaching* dan pengurusan pembangunan kerjaya akan turut dilaksanakan bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan kerja serta mengekalkan "*institutional memory*".

PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG BERKUALITI DAN EFISIEN.

Sistem penyampaian perkhidmatan yang berkualiti, efisien dan berintegriti menjadi fokus utama agar sentiasa memuaskan hati pelanggan yang berurusan dengan pihak PDT LMS. Pemantau terhadap sistem perkhidmatan dan penyampaian perlulah dipantau supaya maklumat dan perkhidmatan yang disampaikan menepati dan memuaskan kehendak pelanggan. Struktur organisasi yang mantap dan pelaksanaan tugas secara efisien dan fleksibel membawa perkhidmatan ke arah mencapai matlamat strategik yang ditentukan.

MEKANISME PELAKSANAAN

Bagi memastikan setiap unit di PDT LMS memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam tempoh 5 tahun ini, strategi dan pelan tindakan di dalam pelan ini akan dipantau dan dibuat kajian semula mengikut jadual perancangan seperti **Jadual 5**. Penilaian pencapaian Pelan Strategik ini akan dijalankan pada setiap dua tahun. Untuk menentukan keberkesanan pelaksanaan objektif strategik, strategi, program dan tahap penyampaian sasaran prestasi yang ditetapkan, satu kajian semula Pelan Strategik dan kajian keberkesanan akan dibuat pada tahun 2017. Kajian tersebut akan turut mengambil kira senario baru perubahan persekitaran dan tumpuan strategik Pejabat Daerah dan Tanah Larut Matang dan Selama.

Jadual 5:
Jadual Perancangan Pemantauan dan Penilaian Pelan Strategik

Bil	Perkara	Tarikh Cadangan
1.	Mesyuarat Pemantauan Pelan Strategik	Setiap 6 bulan
2.	Penilaian Pencapaian	Setiap dua tahun
3.	Penilaian keberkesanan dan Kajian Semula Pelan Strategik	2017

Dalam pada itu, bagi memantapkan tabir urus dan memastikan pelaksanaan Pelan Strategik ini berjalan dengan berkesan, adalah dicadangkan satu jawatankuasa khas diwujudkan. Jawatankuasa ini akan dinamakan Jawatankuasa Transformasi Pejabat Daerah dan Tanah Larut Matang dan Selama. Keahlian jawatankuasa adalah seperti di **Jadual 6** di bawah.

Jadual 6:
Jawatankuasa Transformasi Pejabat Daerah dan Tanah Larut Matang dan Selama

Jawatan	Keahlian
Pengerusi	Pegawai Daerah
Setiausaha	Unit Pentadbiran
Ahli-ahli	Semua Ketua Unit

Jawatankuasa ini akan bertindak sebagai penyelarasan utama di dalam pemantauan, penilaian dan kajian semula Pelan Strategik Pejabat PDT LMS berdasarkan kepada pengukuran dan pelan tindakan yang ditetapkan

THE WAY FORWARD

Selepas perancangan strategik ini dilaksanakan yang berakhir pada tahun 2017, peranan Pejabat Daerah dan Tanah Larut Matang dan Selama diharap akan lebih menyerlah dalam aspek pengurusan dan pembangunan daerah dan tanah. Oleh kerana agenda pengurusan dan pembangunan hal daerah dan tanah adalah agenda yang berterusan, maka perancangan strategik 5 tahun bukanlah suatu tempoh yang secukupnya untuk mengukur pencapaian secara holistik. Akan tetapi perancangan ini perlu diteruskan lagi bagi membangunkan dan memantapkan lagi transformasi pengurusan pentadbiran daerah dan tanah Pejabat Daerah dan Tanah Larut Matang dan Selama berdasarkan kepada keperluan semasa.

Selepas tahun 2017, Pejabat Daerah dan Tanah Larut Matang dan Selama mempunyai gagasan dan berwawasan untuk mencapai ke tahap seperti berikut:

- Menjadi agensi yang terunggul di Malaysia dalam pengurusan hal daerah dan tanah;
- Pengurusan daerah dan tanah yang cekap dan berkesan serta dijadikan penandaras dan pusat rujukan di peringkat nasional;
- Dapat menyediakan semua perkhidmatan teras dan sokongan pentadbiran daerah dan tanah secara *on-line*.

BAB IV : PENUTUP

Sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cekap amat diperlukan bagi menjamin kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan negara. Ia juga bagi memenuhi tuntutan dan ekspektasi rakyat serta masyarakat perniagaan yang terus meningkat. Justeru, Pelan Strategik Pejabat Daerah dan Tanah Larut, Matang & Selama telah menggariskan beberapa objektif strategik dan strategi serta tindakan/program yang perlu dilaksanakan. Tumpuan akan diberikan kepada usaha penambahbaikan mekanisme pelaksanaan, penyelarasan, pemantauan dan penilaian agar program yang dirancang dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan serta pencapaiannya dapat diukur berdasarkan indikator yang ditetapkan. Pelan strategik ini juga akan dijadikan sebagai rangka kerja kepada pihak pengurusan untuk memantau hala tuju organisasi serta meningkatkan keupayaan dalamnya bagi mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan.